



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/49 (HQ)

BAITI JANNATI TNB MERIAHKAN SAMBUTAN RAMADAN DAN AIDILFITRI FATIMAH

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada hari ini menyempurnakan penyerahan sumbangan sebuah rumah di bawah Projek Baiti Jannati kepada Puan Fatimah Binti Samsudin di Kampung Prik, Enggar, Perak.

TNB pada tahun ini memperuntukkan sembilan (9) buah rumah Baiti Jannati bagi Tahun 2016 di Negeri Perak. Kesemua sembilan (9) orang penerima bantuan rumah tersebut telah dikenal pasti.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Perak), Bahagian Pembahagian TNB, Dato' Haji Mohd Zahir Md. Nagor, bagi Peringkat Negeri Perak setakat tahun 2015 sebanyak 37 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2008 melibatkan kos sebanyak RM1.132 juta.

Tambah beliau lagi, bagi peringkat kebangsaan pula setakat tahun 2015 sebanyak 228 buah rumah telah berjaya dibaiki sejak tahun 2007 melibatkan kos sebanyak RM7.113 juta.

Mohd. Zahir turut menegaskan bahawa Projek Baiti Jannati ini adalah salah satu program Tanggungjawab Korporat TNB untuk membina rumah kediaman golongan yang memerlukan bantuan antaranya orang kelainan upaya, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar.

Di majlis tersebut, TNB menyerahkan replika kunci rumah sebagai tanda perasmian. Rumah tersebut bernilai RM50,000.00. Selain itu, terdapat beberapa kelengkapan elektrik yang diberi kepada Puan Fatimah dan keluarga.

Turut hadir, YB Dato' Hj. Mohd Zolkafly Bin Hj. Harun, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Lintang.

Dikeluarkan di Kuala Kangsar, Perak pada 23 Mei 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*